

**TAHAP KEMAHIRAN ICT DAN KESEDIAAN GURU DALAM  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH  
MENENGAH KOTA KINABALU, SABAH.**

**ABDUL RAZAK BIN ZAKARIA NORBERT**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2009**

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.



05 Jun 2009

ABDUL RAZAK BIN ZAKARIA NORBERT

PT 20078057



**UMS**  
**DECLARATION**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have duly acknowledged.



05 June 2009

ABDUL RAZAK BIN ZAKARIA NORBERT

PT 20078057

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : **TAHAP KEMAHIRAN ICT DAN KESEDIAAN GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH KOTA KINABALU, SABAH.**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **ABDUL RAZAK BIN ZAKARIA NORBERT**

SESI PENGAJIAN : **2007/2009**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh



( **ABDUL RAZAK BIN ZAKARIA NORBERT** )



( **DR. SABARIAH SHARIF** )

Alamat Tetap :

Tarikh : 05 Jun 2009

Tarikh : 20 Julai 2009

CATATAN :- \* Potong yang tidak berkenan.

\*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi Berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi Penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan laporan Projek Sarjana Muda ( LPSM ).

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya membolehkan saya menjalankan kajian ini dengan tabah sehingga dapat menyiapkannya. Sepanjang kajian ini dijalankan saya telah memperoleh bantuan dan kerjasama yang padu dan tidak ternilai daripada pelbagai pihak. Justeru, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka yang berkenaan.

Penghargaan terima kasih ditujukan kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial serta kakitangan Universiti Malaysia Sabah yang memberi sokongan secara langsung atau sebaliknya untuk menjayakan kajian ini terutamanya buat penyelia saya, Dr. Sabariah Shariff yang telah berusaha membimbing dan memberi tunjuk ajar yang seadanya sehingga akhirnya saya dapat menyiapkan kertas projek ini.

Juga tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada semua guru-guru di Kota Kinabalu yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Buat Encik Tsen Lip Shang, yang banyak memberi motivasi, Puan Noorlinah E kang dan Puan Prisca Anselmus yang sentiasa bersedia membantu, jasa kalian akan tetap dikenang selama-lamanya.

Penghargaan yang tidak ternilai ditujukan khas buat ibu yang tercinta, Celestina Anah Awang dan keluarga atas doa, dorongan dan nasihat yang berterusan untuk menguatkan lagi semangat ini dalam meneruskan perjuangan, jutaan terima kasih diucapkan.

Wasalam.....

**ABDUL RAZAK BIN ZAKARIA NORBERT**

**PT 20078057**

## ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan tahap kemahiran ICT dan kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam P & P. Perbincangan memfokuskan kepada kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam P & P menerusi tahap kemahiran ICT serta penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer. Kedua, meninjau perbezaan dan hubungan kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer mengikut umur, pengalaman mengajar, pengalaman mengikuti kursus komputer dalam perkhidmatan, pemilikan komputer peribadi di rumah dan pengalaman menggunakan komputer. Instrumen kajian ialah menggunakan set soal selidik. Seramai 150 guru daripada 5 buah sekolah menengah di Kota Kinabalu terlibat dalam kajian ini. Pensampelan berstrata digunakan untuk pengumpulan data. Analisis data menggunakan *SPSS Versi 15.0*. Ujian Alpha Cronbach dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan yang tinggi bagi soal selidik yang digunakan. Penganalisan data menggunakan statistik deskriptif untuk menguji min dan sisihan piawai manakala statistik inferensi untuk Ujian-t, ANOVA Sehalu dan Korelasi Pearson ( $r$ ). Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran ICT guru dalam P & P adalah pada tahap sederhana manakala kesediaan guru menggunakan ICT berasaskan teknologi maklumat dalam P & P adalah pada tahap tinggi. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kemahiran ICT guru dan kesediaan guru menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam P & P berdasarkan ciri-ciri demografi dan terdapatnya hubungan yang signifikan antara tahap kemahiran ICT guru dengan kesediaan guru menggunakan ICT berasaskan teknologi maklumat dalam P & P. Kajian mencadangkan agar guru-guru seharusnya bersedia dalam memahirkan diri menggunakan ICT untuk memenuhi keperluan semasa dalam penggunaan ICT komputer berasaskan teknologi maklumat dalam bidang pendidikan.

## **ABSTRACT**

*The purpose of this research was to study teachers' competencies' level in ICT and readiness among teachers towards using information technology computer ICT in teaching and learning. The study focused on the teacher's readiness in using technology computer ICT on information technology computer based on the competencies level on teaching and learning. Secondly, to see the differences and correlation of the teachers competencies level and readiness according to age, teaching experience, training experience in computer skills, possession of personal computer at home, and the experience of using computer. The research methodology was a survey study using questionnaires as the main instrument. A total of 150 teachers from 5 secondary school took part in this research. Stratified sampling was used in collecting data. Data was analyzed using SPSS for Windows (Version 15.0). Alpha Cronbach test was used to examine the reliability of instruments. This research uses the descriptive and inferential statistic which include frequency, mean score and standard deviation, T-test, One Way ANOVA and Correlation Pearson (r) t. The research showed that the teachers competencies level in ICT on teaching and learning was at the moderate level, meanwhile the readiness of teachers based on information technology computer in teaching and learning are at the high level. There was no significant differences in competencies level in ICT and readiness towards using computer on information technology in teaching and learning based on the demographic factors however, significant correlations were found between competencies level ICT and readiness of teachers in using computer of information technology in teaching and learning. This research has purposed to all teachers to enhance their ICT competency and readiness in using ICT to fulfill the daily needs in educations field especially in teaching and learning sessions.*



## ISI KANDUNGAN

	<b>MUKA SURAT</b>
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv

### **BAB1 : PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	3
1.4	Soalan Kajian	4
1.5	Matlamat Kajian	5
1.6	Objektif Kajian	5
1.7	Hipotesis Kajian	5
1.8	Kepentingan Kajian	6
1.9	Batasan Kajian	6
1.10	Definisi Operasional	7
	1.10.1 Kemahiran ICT	7
	1.10.2 Kesediaan Guru	7
	1.10.3 Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer	8
	1.10.4 Pengajaran dan Pembelajaran	8
	1.10.5 Persepsi	8
1.11	Penutup	9

## **BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	10
2.2	Kepentingan Komputer dan Multimedia Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	11
2.2.1	Guru	11
2.2.2	Cabaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	11
2.3	Kesediaan Guru	13
2.4	Teori	14
2.4.1	Teori Tingkah Laku	14
2.4.2	Teori Motivasi Pencapaian	14
2.5	Tahap Kemahiran Menggunakan Perisian Multimedia Dalam Pengajaran	15
2.6	Kajian Lepas	18
2.6.1	Kajian Lepas Dalam Negara	19
2.6.2	Kajian Lepas Luar Negara	22
2.7	Kerangka Konseptual	24
2.8	Penutup	26

## **BAB 3 : METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	27
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Statistik Inferensi	28
3.4	Populasi dan Sampel	31
3.5	Instrumen Kajian	32
3.6	Pengumpulan Data	34
3.7	Analisis Data	35
3.8	Penutup	36



## **BAB 4 : DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	37
4.2	Maklumat Latar Belakang Responden	37
4.2.1	Jantina	38
4.2.2	Umur	38
4.2.3	Pengalaman Mengajar	39
4.2.4	Kelulusan Akademik	39
4.2.5	Pemilikan Komputer Riba	40
4.2.6	Kursus ICT	40
4.3	Kemahiran ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	41
4.4	Kesediaan Guru Menggunakan ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	43
4.5	Dapatan Analisis Data Statistik Inferensi ( ANOVA Sehalu )	45
4.5.1	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Kemahiran ICT Guru Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi (Umur)	45
4.5.2	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Kemahiran ICT Guru Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi (Pengalaman Mengajar)	45
4.5.3	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Kesiediaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi (Umur)	46
4.5.4	Tidak Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dalam Kesiediaan ICT Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Ciri-Ciri Demografi (Pengalaman Mengajar)	47
4.5.5	Hubungan Kemahiran ICT Dengan Kesiediaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	47
4.6	Penutup	50

## **BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	51
5.2	Rumusan Dapatan	51
5.3	Perbincangan	52
5.3.1	Tahap Kemahiran ICT dan Kesediaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	52
5.3.2	Perbezaan Tahap Kemahiran ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut Umur	54
5.3.3	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Umur	54
5.3.4	Perbezaan Tahap Kemahiran ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut Pengalaman Mengajar	55
5.3.5	Perbezaan Kesediaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Pengalaman Mengajar	55
5.3.6	Hubungan Kemahiran ICT Dengan Kesediaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	55
5.4	Cadangan	56
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	58
5.6	Penutup	59

**BIBLIOGRAFI**

<b>LAMPIRAN A</b>	<b>BORANG SOAL SELIDIK</b>
<b>LAMPIRAN B</b>	<b>DEMOGRAFI RESPONDEN</b>
<b>LAMPIRAN C</b>	<b>UJIAN-t ( T-test )</b>
<b>LAMPIRAN D</b>	<b>ANOVA SEHALA ( ONE WAY ANOVA )</b>
<b>LAMPIRAN E</b>	<b>KORELASI PEARSON ( CORRELATION PEARSON )</b>
<b>LAMPIRAN F</b>	<b>TAHAP KEMAHIRAN ICT GURU DAN KESEDIAAN ICT GURU</b>
<b>LAMPIRAN G</b>	<b>JADUAL PENENTUAN SAIZ SAMPEL Krejcie dan Morgan (1970)</b>



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

### MUKA SURAT

Jadual 3.5.1	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	31
Jadual 3.5.2	Jadual Krejcie, R. V and Morgan D.W. Yang Menunjukkan Kadar Menentukan Jumlah Sampel Daripada Populasi.  (Diubahsuai mengikut kesesuaian kajian)	32
Jadual 3.5.3	Skala Likert (Tahap Kemahiran ICT Guru)	33
Jadual 3.5.4	Skala Likert (Kesediaan Guru)	34
Jadual 3.5.5	Analisis Kandungan Instrumen (Soal Selidik)	34
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	38
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	38
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	39
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	39
Jadual 4.5	Taburan Responden Memiliki Komputer Riba	40
Jadual 4.6	Taburan Responden dan Kursus ICT	40
Jadual 4.7	Skor Julat Min	41
Jadual 4.8	Min Item Tahap Kemahiran ICT Guru	42
Jadual 4.9	Min Item Kesiediaan Guru	44
Jadual 4.10	Perbezaan Kemahiran ICT Guru Dalam P & P Mengikut Umur	45
Jadual 4.11	Perbezaan Kemahiran ICT Guru Dalam P & P Mengikut Pengalaman Mengajar	46

Jadual 4.12	Perbezaan Kesianaan Guru Dalam P & P Mengikut Umur	46
Jadual 4.13	Perbezaan Kesianaan ICT Guru Dalam P & P Mengikut Pengalaman Mengajar	47
Jadual 4.14	Hubungan Kemahiran ICT Dengan Kesianaan Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	48



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

## MUKA SURAT

Rajah 2.7 Kerangka Konseptual Kajian

25



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

ICT	Information of Communication and Technology
Sig	Nilai Signifikan
Min	Purata
SP	Sisihan Piawai
$H_0$	Hipotesis Nol
P & P	Pengajaran dan Pembelajaran
P	Pekali Korelasi
SPSS	<i>Statistical Packages For The Social Science</i>
r	Nilai Korelasi
df	Darjah Kebebasan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Abad ke-21 merupakan era teknologi maklumat dan telekomunikasi. Alaf baru ini membawa beberapa pergolakan dan perkembangan yang melanda dunia pendidikan negara ini. Peranan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kehidupan masa kini tidak dapat dinafikan lagi kepentingannya. Kesan penggunaan teknologi maklumat telah mengubah dunia pendidikan di negara ini ke arah penggunaan komputer sebagai salah satu bahan bantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Peranan teknologi maklumat menjadi begitu penting dalam bidang pendidikan sebagai asas penyaluran ilmu (Noraini, 2002).

Memandang persekolahan dan pembelajaran di hampir semua sekolah dalam negara kini menerima bahang arus teknologi maklumat, maka hal ini sudah pasti memerlukan guru mempersiapkan dan memperlengkapkan diri dengan ilmu yang mencukupi dalam bidang teknologi maklumat berasaskan komputer bagi berhadapan dengan realiti perubahan dunia pendidikan. Sekiranya institusi pendidikan tidak sanggup berubah atau berubah dengan kadar yang perlahan, ada kemungkinan apa yang berlaku di sekolah misalnya akan menjadi tidak relevan kepada kehidupan pelajar (Othman, 2000). Dalam menuju ke arah teknologi maklumat ini, Malaysia tidak mahu ketinggalan daripada bersaing dengan negara lain demi untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat dan negara. Oleh kerana peranan yang dimainkan oleh pendidikan adalah untuk menyediakan pelajar bagi menghadapi alaf akan datang yang apstinya lebih canggih, sukar dan mencabar, pemikiran semula yang menyeluruh dalam bidang pendidikan terutama dari segi kurikulum dan perkembangan pedagogi adalah diperlukan (Othman, 2000). Sehubungan dengan itu, Iliyas (2000) menyatakan bahawa zaman teknologi maklumat yang didominasi oleh teknologi maklumat dan komputer telah menuntut

pendekatan baru dalam mengurus kurikulum di sekolah. Justeru, pengurus kurikulum sekolah harus mencari jalan terbaik untuk menyampaikan kurikulum sekolah serasi dengan perkembangan teknologi dan perubahan zaman, hal ini perlu diwujudkan agar proses pendidikan yang diterima oleh pelajar secocok dengan perkembangan zaman mereka kelak.

Mohd Yusof (*et. al*, 2005) menyatakan pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi semakin penting dan merupakan aspek yang memerlukan pertimbangan ke arah pendidikan berkualiti. Oleh hal yang demikian, sudah tiba masanya, cara pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah perlu mengalami perubahan. Guru merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan komputer. Guru merupakan pusat atau nadi dalam pelaksanaan integrasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran, peranan guru sudah berubah daripada penyebarkan maklumat kepada pembimbing dan fasilitator (Sathiamoorthy, 2002).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Usaha-usaha untuk mewujudkan masyarakat Malaysia abad ke 21 yang berdaya saing dan berdaya maju telah digariskan dalam Wawasan 2020. Kesemua usaha ini bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara moden dan maju, sebuah masyarakat industri yang adil, bermoral dan rasional serta mempunyai keperibadian sendiri. Selaras dengan matlamat Wawasan 2020 yang mengutamakan aspek pembangunan sahsiah dan pembinaan sumber manusia ke arah k-ekonomi, sekolah menjadi pusat latihan bagi mencorakkan kemahiran, kebolehan bersaing serta meningkatkan kualiti diri pelajar. Justeru, kemahiran menggunakan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu diberi perhatian dalam latihan pendidikan guru-guru sekolah. Multimedia berupaya menjadikan komunikasi antara guru dengan pelajar lebih berkesan. Rozinah (1996) pula menyatakan bahawa pendidikan multimedia dalam pendidikan merupakan keperluan dalam era teknologi maklumat kerana pengguna multimedia dianggap sebagai *edutainment* (*education entertainment*) dan *infortainment* (*information entertainment*). Justeru, perisian multimedia interaktif merupakan satu daripada produk yang berupaya menjana pendidikan yang bestari.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pelajaran Malaysia telah berbelanja besar di dalam menyediakan prasarana komputer di sekolah-sekolah. Banyak sekolah telah dilengkapi dengan kemudahan komputer sebagai satu usaha menyahut cabaran ICT dalam pendidikan. Kehadiran komputer (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Penggunaan multimedia dalam bidang pendidikan dan latihan dapat melayani setiap kehendak pelajar-pelajar yang datang daripada pelbagai latar belakang, kecerdasan, keperluan dan cara belajar. Penggunaan komputer (ICT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran berupaya menarik minat pelajar-pelajar sekolah.

Di negara kita, senario ini berlaku di sekolah-sekolah kerajaan. Kekurangan tahap kemahiran multimedia, sikap dan masalah-masalah dalam penggunaan multimedia menjadi faktor guru-guru tidak menggunakan multimedia dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian oleh Norizan, Mohamad Amin Embi dan Ramlee (2004) mendapati majoriti (58.2 peratus) guru bahasa Inggeris yang terlibat dalam kajiannya tidak menggunakan komputer dalam pengajaran pada setiap masa, ekoran daripada tahap kompetensi terhadap komputer yang rendah. Selain itu, pengkaji berpendapat kemungkinan faktor penggunaan multimedia di sekolah mempunyai hubung kait dengan faktor umur, pengalaman mengajar, dan tahap pendidikan.

Selain itu, dalam usaha untuk mengintergrasikan teknologi pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), *Education Department of Western Australia (EDWA)* telah memastikan bahawa semua guru-guru sekolah kerajaan Western Australia menggunakan struktur kerangka kurikulum intergrasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) oleh EDWA bagi menggalakkan dan meningkatkan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan kanak-kanak Western Australia (Mohamad Ibrani Shahrinin 2001). Oleh itu, sekiranya dibandingkan dengan senario intergrasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Malaysia, agak jelas bahawa masih terdapat jurang yang ketara daripada aspek bahan rujukan dan penyelidikan (terutamanya bahan penerbitan) dalam arena pendidikan sekolah berasaskan multimedia (Mohamad Ibrani Shahrinin 2001).

Justeru, terdapat beberapa pihak melahirkan kebimbangan tentang tahap kemahiran multimedia yang lemah di kalangan guru-guru sekolah yang sedia ada. Sesetengah guru tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mendalam untuk menggunakan teknologi seperti komputer, internet dan laman web sebagai bahan bantu mengajar dalam bilik darjah. Kepakaran yang terhad ini membataskan guru untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran (Zamri Mohamad dan Mohamed Amin Embi 2000). Namun, persoalan sama ada kemudahan yang disediakan ini digunakan dengan sewajarnya dan memberi manfaat kepada golongan sasaran masih kabur dan perlu diselidiki dengan lebih mendalam. Kajian seumpama ini akan dapat memberi satu gambaran fenomena masa kini dan kesan terhadap pelaksanaan program penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam pendidikan pada masa akan datang.

### 1.3 Soalan Kajian

- (a) Apakah wujud perbezaan kemahiran ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang signifikan berdasarkan umur?
- (b) Apakah wujud perbezaan kemahiran ICT guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang signifikan berdasarkan pengalaman mengajar?
- (c) Apakah wujud perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang signifikan berdasarkan umur?
- (d) Apakah wujud perbezaan kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran yang signifikan berdasarkan pengalaman mengajar?
- (e) Adakah wujud hubungan yang signifikan antara kemahiran ICT dan kesediaan guru menggunakan ICT dalam P & P?

## 1.4 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti apakah tahap kemahiran yang ada pada guru terhadap penggunaan komputer (ICT) dan kesediaan berubah dalam pengajaran dan pembelajaran.

## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan seperti berikut :

- 1) Memerihal ciri-ciri demografi responden.
- 2) Mengenalpasti tahap kemahiran ICT responden dan tahap kesediaan ICT responden.
- 3) Mengenalpasti hubungan antara kemahiran ICT dan kesediaan guru.

## 1.6 Hipotesis Kajian

- 1) Hipotesis nol –  $H_01$  – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran ICT guru berdasarkan ciri-ciri demografi (umur).
- 2) Hipotesis nol –  $H_02$  – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemahiran ICT guru berdasarkan ciri-ciri demografi (pengalaman mengajar).
- 3) Hipotesis nol –  $H_03$  – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesediaan ICT guru dalam P & P berdasarkan ciri-ciri demografi (umur).
- 4) Hipotesis nol –  $H_04$  – Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kesediaan ICT guru dalam P & P berdasarkan ciri-ciri demografi (pengalaman mengajar).
- 5) Hipotesis nol –  $H_05$  – Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran ICT dan kesediaan guru menggunakan ICT dalam P & P.



## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana :

- (a) Ia berguna kepada Kementerian Pendidikan terutama Bahagian Perancangan dan Penyelidikan , Bahagian Perkhidmatan Komputer (BPK) , Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah dalam usaha merangka pelaksanaan penggunaan komputer dalam pengurusan pentadbiran secara teratur.
- (b) Ia berguna dalam membuat perancangan kesesuaian program latihan computer yang diperlukan.
- (c) Penggunaan komputer dalam pengurusan pentadbiran meningkatkan keberkesanan dalam kemahiran pengurusan. Dapatan-dapatan kajian dan cadangan-cadangan dalam rumusan boleh dijadikan panduan bagi mengatasi masalah yang dihadapi untuk meningkatkan keupayaan sekolah menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan pentadbiran.

Hasil daripada kajian ini boleh memberi kita gambaran tentang tahap kemahiran komputer di kalangan guru terhadap penggunaan komputer dalam pendidikan. Maklumat ini signifikan sebab dengan berbekalkan pengetahuan ini, para pendidik dan perancang kurikulum dapat menjangka masalah yang bakal timbul dan memikirkan cara-cara untuk mengurangkan masalah-masalah tersebut.

## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di lima buah sekolah menengah kebangsaan Kota Kinabalu, Sabah. Pengurusan pentadbirannya adalah kompleks dan ini menyebabkan pentadbirannya memerlukan bantuan komputer dalam usaha melicinkan lagi perjalanan pentadbirannya. Seramai 150 orang responden kajian ini ialah terdiri daripada guru-guru sekolah menengah Kota Kinabalu, Sabah. Guru-guru adalah golongan yang menentukan hala tuju dan dasar sesebuah sekolah dan terlibat dalam pengoperasian organisasi

sekolah. Oleh itu , golongan ini merupakan kumpulan yang penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu program atau pembaharuan.

## **1.10 Definisi Operasional**

### **1.10.1 Kemahiran ICT**

Tahap kemahiran merujuk kepada aras kemahiran guru-guru yang dilihat daripada tahap lemah, sederhana atau mahir dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer. Contoh kemahiran pengurusan fail, kemahiran menggunakan pemprosesan perkataan, kemahiran menggunakan hampan elektronik dan sebagainya. Mahir bermaksud terlatih menggunakan sesuatu, cekap, lancar dan pandai. Manakala kemahiran bermaksud kecekapan atau kepandaian ( Kamus Dewan 1998 ). Doyle (1992) pula mendefinisikan kemahiran ICT sebagai kebolehan, keupayaan dan kepandaian mengakses maklumat. Justeru, dalam kajian ini kemahiran ICT merujuk kepada aras kecekapan guru-guru yang dilihat daripada tahap lemah, sederhana, mahir serta sangat mahir dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer. Contohnya, kemahiran pengurusan fail, kemahiran menggunakan pemprosesan perkataan, kemahiran menggunakan hampan elektronik dan sebagainya.

### **1.10.2 Kesiediaan Guru**

Dalam konteks kajian ini adalah kesiediaan guru merujuk kepada tingkah laku seorang guru yang mempunyai usaha dan inisiatif untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berbantuan penggunaan komputer ICT. Kesiediaan guru ini merangkumi kesiediaan dari aspek emosi dan psikomotor untuk memajukan dan meningkatkan kualiti pengajaran tanpa terikat dengan mana-mana arahan atau pekeliling rasmi sekolah. Hal ini bermakna, seseorang guru itu bersedia mengorbankan masa dan tenaga yang lebih untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan. Kesiediaan guru juga merangkumi aspek kognitif dan emosi untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang juga ditetapkan.



### **1.10.3 Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer**

Teknologi maklumat berasaskan komputer merujuk kepada penguasaan individu dalam pengaturcaraan seperti pengurusan fail, pemprosesan perkataan, persembahan elektronik, penggunaan grafik, pencarian maklumat, penggunaan e-mel, penggunaan perisian, penggunaan pangkalan data, penggunaan hampan elektronik, penggunaan laman web, penggunaan 'word wide web', penggunaan Internet dan penggunaan hipermedia. Dalam konteks kajian ini, kesediaan guru menggunakan sama ada salah satu, atau gabungan beberapa pengaturcaraan untuk menghasilkan suatu pengajaran yang lengkap dan menarik untuk disampaikan kepada pelajar sebagai input kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Konsep ini mengaplikasikan teknologi maklumat berasaskan komputer yang ada sebagai satu rangkaian elektronik untuk mencari, mengumpul, menyimpan, memproses, menyalur dan menyampaikan maklumat secara efektif, pantas dan banyak untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Seseorang guru dikatakan telah menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran apabila satu atau lebih pengaturcaraan telah digunakan bagi menghasilkan suatu bahan pengajaran.

### **1.10.4 Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran adalah merujuk kepada cara dan kaedah seseorang guru menjalankan pengajaran dalam bilik darjah. Manakala pembelajaran pula merujuk kepada cara dan kaedah pelajar belajar berdasarkan pengajaran guru tadi dalam bilik darjah. Dalam konteks kajian ini, satu medium baru,, yakni menggunakan teknologi maklumat berasaskan komputer telah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **1.10.5 Persepsi**

Dalam konteks kajian ini, istilah persepsi adalah merujuk kepada pandangan, tanggapan dan pengetahuan sampel kajian ini (Norly 2003). Sampel kajian dalam penyelidikan ini

ialah golongan guru-guru yang sedang berkhidmat di sekolah menengah kebangsaan sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Sehubungan dengan itu aspek penggunaan multimedia, tahap kemahiran menggunakan perisian multimedia dalam pengajaran, kesediaan guru terhadap penggunaan multimedia, dan ciri-ciri perisian multimedia dalam P & P dalam penggunaan multimedia semuanya akan dikaji dan dinilai berdasarkan persepsi guru-guru ini.

### **1.11 Penutup**

Dalam bab ini, penyelidik telah membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian dan definisi operasional.

Dari data-data tersebut menunjukkan tidak ramai guru-guru yang telah menguasai kemahiran komputer ICT berasaskan teknologi maklumat yang asas yang dapat memberi faedah kepada guru-guru dan juga pelajar-pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran . Adalah penting bagi setiap guru memperluaskan diri dengan kemahiran-kemahiran tersebut kerana guru-guru merupakan tunjak perkembangan pendidikan negara dan pembina masyarakat berilmu yang menjadi sasaran utama negara berlandaskan penggunaan informasi teknologi maklumat. Kajian menunjukkan bahawa kemahiran ICT dan kesediaan guru menggunakan komputer berasaskan teknologi maklumat amat diperlukan dalam sektor pendidikan khususnya dalam pengurusan mahupun dalam proses pengajaran dan pembelajaran.